

INTERVIEW WITH MAT AGEL BIN MAT DAUD

File : VIDEO_REC 1
Duration : 10 Min.
Date : September 14, 2015
Address : Mat Agel Bin Mat Daud's House in Kampung Lepah Jati, Selising, Pasir Puteh, Kelantan
Interviewee : Mat Agel Bin Mat Daud (Pak Agel) [Mak Yong Performer & Musician] & Mak Su Siti (M) [Chempaka Willis Group Manager]
Interviewer : I [UMK Research Team Member]

Pak Agel : Di bawah didikan. Di bawah didikan.. Kementerian gak la.. Masa nak mengajar dulu kementerian jugok la bagi support.. Err.. Bajet... UNESCO.

Pak Agel : Di bawah pendidikan. Di bawah pendidikan.. Kementerian agaklah.. Masa hendak mengajar dulu, Kementerian juga lah memberi sokongan.. Err.. Bajet... UNESCO.

Pak Agel : Under the ministry of education. The ministry provided assistance when I first taught before. I received financial assistance from UNESCO.

.

I : UNESCO!... Dari JKKN (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara)?

I : UNESCO!... from JKKN (National Department for Culture and Arts)?

Pak Agel : Ha... Dari JKKN... Tapi yang tu yang Terengganu punyalah.

Pak Agel : Ya... Dari JKKN... Tapi yang itu di bawah kerajaan Negeri Terengganu.

Pak Agel : Yes... from JKKN, but under the Terengganu State Government.

M : Sekarang penaung dia.. Dia punya pegawai daripada daerah Malaysia lah.

M : Sekarang penaungnya... ialah pegawai daripada daerah Malaysia lah.

M : Now the patron is the Chief Officer from Malaysia.

Pak Agel : Ya la sebab dia tu dah, dah naik nilai dimasukkan jugok. Maknanya di

bawah Besut jugak lah.. Tapi bajet untuk mengajar dulu tu memang dari JKKN.

Pak Agel : Ya lah sebab dia itu sudah, sudah naik nilai dimasukkan juga. Maknanya di bawah Besut juga lah.. Tapi bajet untuk mengajar dulu itu memang daripada JKKN.

Pak Agel : Yes, that is because of him, (the Chief officer from Malaysia), but at first the budget to teach actually came from JKKN Besut.

I : Tapi melalui semua la?

I : But you had to go through everything ?

Pak Agel : Ha... Melalui semua... Sebab dia keluar bajet tu dia agihkan satu dekat Pasir Mas.. Dua dekat Besut, di antara dua-dua Besut tu saya semua yang gi sebagai jurulatih la lebih kure... Tapi satu yang aktif yang lain tu... Tak aktif sangat... Ha.. Satu yang Thailand punya.)

Pak Agel : Ha... Melalui semua... Sebab dia keluarkan bajet itu dan dia agihan satu bahagian kepada Pasir Mas.. Yang (bajet) bahagian kedua kepada Besut, di antara kedua-duanya di Besut itu yang saya pergi semua sebagai jurulatih... Tapi hanya satu kumpulan yang masih aktif manakala yang lain... Tidak sangat aktif... Ha.. Ada satu kumpulan dari Thailand.

Pak Agel : Yes, through everything because they allocated one part to Pasir Mas, and another part to Besut. I went as a coach for both places in Besut. Only one is still active while the other is not as active. One of those groups is from Thailand.

- I : **Pak Su sekarang umur berapa?**
I : Pak Su sekarang umur berapa?
I : Now how old are you Pak Su?
- Pak Agel** : **56 tahun, Dilahirkan pada 2 hari bule sebelas tahun 59.**
Pak Agel : Usia 56 tahun, dilahirkan pada 2 November 1959.
Pak Agel : **56 years old, I was born on 2nd November 1959.**
- I : Bagaimana terlibat dalam seni?
I : How did you get involved in arts?
- Pak Agel** : **Meme saya anak jati.**
Pak Agel : Saya memang anak jati seni.
Pak Agel : **I was born to be an artist.**
- I : **Macam mana belajar dulu?**
I : Bagaimana cara belajar dahulu?
I : How did you learn at the start?
- Pak Agel** : **Saya ni keturunan dari pada arwah tok dan bapak saya.. Saya pernah dari kecik dulu pun s'lalu ikut yo main ke mana-mana.**
Pak Agel : Saya merupakan keturunan daripada arwah datuk dan ayah saya lagi.. Saya pernah sejak dari kecil lagi pun selalu mengikuti persembahan ke mana-mana.
Pak Agel : **I inherited this passion from both my late grandfather and my father. From young I always joined them going to shows anywhere and everywhere.**
- I : **Dulu itu.. Er.. Kami ada baca sebelum 1920-an bereti... Er... dan lepas 1950 itu dia semakin kurang dan tapi 1970 itu telah terkenal semula, mengapa terjadi sebegini?**
I : Dulu itu.. Er.. Kami ada baca sebelum tahun 1920-an bererti... Er... dan lepas tahun 1950 itu ia (Mak Yong) semakin kurang dan tapi pada tahun 1970 itu telah terkenal semula, mengapa terjadi begini?
I : We have read that before 1920s it (Mak Yong) was... Er.. then in 1950s the shows lessened but it became famous again in 1970. Why so?
- Pak Agel** : **Dia dale era 70 sehingga 80-an tu Mak Yong masih banyak lagi di Kelantan.. Ado kumpule sendiri masih banyak dan saya juga dengen arwoh ibu saya dan bapa saya pernah mengikuti di mana-mana beberapa bule.**
Pak Agel : Dalam era 70-an sehingga 80-an Mak Yong masih banyak lagi terdapat di Kelantan.. Terdapat masih banyak kumpulan sendiri dan saya juga dengan arwah ibu dan bapa saya pernah mengikuti di mana-mana beberapa bulan.
Pak Agel : Around 1970s to 1980s Mak Yong was still widely practised in Kelantan. There were many independent arts groups and I myself with my late mother and father performed here and there for a few months.
- I : **Kalu camtu... Er.. Mak Yong ini dari masa itu... Err... Sebab masa itu ada kumpulan Sri Temenggong itu, yang menjadikan terkenal?**
I : Kalau macam itu... Er.. Mak Yong ini daripada masa itu ... Err... Sebab masa itu ada kumpulan Sri Temenggong itu, yang menjadi terkenal?
I : If that's so, Mak Yong during that time... Err... was famous due to the Sri Temenggung group?

- Pak Agel** : Ya... Dia... Kalu bercerita fasal Mak Yong ini memang... Tapi kumpulan Sri Temenggong ini buke aktif mace kita orang, cuma... Sri Temenggong di bawah pimpin geng... Arr.. Arwah Mak Jah... Ini sama dengan suami dia Abe Ya... Abe Ya tu dia kijo Belia... Dia salah seore pegawai Belia.. dia diserap oleh.. Dia membuat rombongan Sri Temenggung nie mewarisi Mak Yong Dato Temenggong tapi yo nie main untuk istana. Dia main untuk perkareng-perkareng tu je... Dio tak do duk main po ngan kampung kito nie... Tak dok mace kteorang.
- Pak Agel** : Ya... Dia... Kalau bercerita mengenai Mak Yong ini memang... Tapi kumpulan Seri Temenggong ini bukan aktif macam kami, cuma.... Sri Temenggong di bawah pimpinan kumpulan...Arr... Arwah Mak Jah... Ini sama dengan suami dia Abe Ya... Abe Ya itu dia kerja di Belia...Dia salah seorang pegawai Belia.. dia diserap oleh ... Dia membuat rombongan Sri Temenggung ini untuk mewarisi Mak Yong Dato Temenggong tapi yang ini dipersembahkan untuk istana. Dia main untuk perkaran-perkarangan itu sahaja... Dia tak ada duduk main di kampung kita ini... Tak ada macam kita orang.
- Pak Agel** : Yes, it was. But this Sri Temenggong group was not as active as we were. It was just that Sri Temenggong was led by the late Mak Jah and her husband, Abe Ya. He worked as a Youth Officer. He was taken in... He developed the Sri Temenggong group to inherit Mak Yong from Dato Temenggong's lineage that was performed for the royals. They only performed there, unlike us who performed locally in the villages.
- I** : Maksudnya istana yang mana satu cerita istana?
I : Maksudnya istana yang mana satu cerita istana?
I : That means which royal story is this?
- Pak Agel** : Dok, persembahan di istana sajo.
Pak Agel : Bukan, persembahan dalam istana sahaja.
Pak Agel : No. I meant they only performed in the palace, for the royals.
- M** : Dio hanya buat persembahan di tempat-tempat yang khas la majlis-majlis besar-besaran la.. Sebab dia ado mace... Nak cakap apa mace ado kabel la.. Kalau di parlimen ko, kementerian ko.
- M** : Dia hanya buat persembahan di tempat-tempat yang khas lah, majlis-majlis besar -besaran la... Sebab dia ada macam... Nak cakap apa macam ada kabel la.. Kalau di Parliment, kementerian juga.
- M** : They only performed in exclusive events where grand ceremonies were held. It was because they had a connection that helped them get such chances... such as from the parliament, and ministry.
- Pak Agel** : Dio sebab arwoh Dato Nik Mat Kamil ni.. Ar... Dato Nik Mat Kamil nie dia kahwin dengen ore mak yong. Sebelum ado Temenggong lagi... Sebelum jadi nama Seri Temenggong lagi. Er.. Dato Nik Mat Kamil dengen Che Kemala. Dato Nik Mat Kamil nie dio ore istana lah kerabat Diraja. Che Kemala nie kumpule Mak Yong. Salah sore pemain Mak Yong. Kahwin dengen Dato Nik Mat Kamil. Ha.. Che Kemala kahwin dengan yeng laki nie, Dato Nik Mat Kamil.
- Pak Agel** : Dia sebab Arwah Dato Nik Mat Kamil ini... Ar... Dato Nik Mat Kamil ini dia berkahwin dengan orang Mak Yong. Sebelum ada Temenggong lagi... Sebelum jadi nama Seri Temenggong lagi. Er.. Dato Nik Mat Kamil dengan Che Kemala. Dato Nik Mat Kamil ini dia orang istana lah daripada kerabat Diraja. Che Kemala ini kumpulan Mak Yong. Salah seorang pemain Mak Yong. Kahwin dengan Dato Nik Mat Kamil. Ha.. Che Kemala kahwin dengan yang lelaki ini, Dato Nik Mat Kamil.

Pak Agel : It was also because the late Dato Nik Mat Kamil married a Mak Yong dancer. It was even before Temenggong existed and before Sri Temenggong was named. He married a woman named Che Kemala. He was a royal and he married Che Kemala who was a Mak Yong dancer.

I : **Dia kahwin dalam 1970-an?**

I : Dia berkahwin dalam tahun 1970 an?

I : **So did they get married in the 1970s ?**

Pak Agel : **Dok, dale lima pulohan. Hujung lima pulohan saya raso camtu lah.**

Pak Agel : Bukan, dalam tahun 50-an. Hujung 50-an saya rasa macam begitu lah.

Pak Agel : **No, they got married in the 1950s. I think.**

I : **Lepas tu dia yang mulakan?**

I : Kemudian adakah dia yang mula memperkenalkan Mak Yong?

I : **Then he was the one who made Mak Yong known to all?**

Pak Agel : **Doh lagu tu. Dia la mulake masuk ko istana lepas tu. Dia dapat sore anak Pok Ya nama dio. Haa Zakaria. Tapi saya panggil Abe Ya gitu ja, nama penuh dia tu saya tak tahu la apa. Zakaria nie bekerja denga pegawai Belia. Cuba berminat denga Mak Yong. Kahwin denga arwah Mak Jah, primadona Mak Yong, Khatijah Awang. Jadi diorang tu makin stabil-makin stabil. Dah ada apa nie talian dengae pihak jabate. Itu la, kalu kito cerita fasal dulu aneh sikit bunyi kan, menyentuh hal peribadi manusio. Diceritanya pada maso tu, Cik Kemala ni ore yeng cantik. Dia isteri orang. Tapi Dato Nik Mat Kamil suka pada dio. Paksa laki nie suruh cerai. Cari perempuan lain bagi kepad si laki nie. Dia ambik kan kahwin nye. Sebab tu kalu kita bercerita dia ada menyentuh hal peribadi ore.**

Pak Agel : Dah lagu itu. Dia lah mula kan masuk ke istana lepas itu. Dia dikurniakan seorang anak yang bernama Pok Ya. Haa Zakaria. Tapi saya panggil Abe Ya begitu sahaja, nama penuh dia itu saya tidak tahula apa. Zakaria ini bekerja dengan pegawai Belia serta mencuba untuk berminat dalam Mak Yong. Kahwin dengan arwah Mak Jah malahan berkahwin dengan arwah primadona Mak Yong, primadona Mak Yong, iaitu Khatijah Awang. Selepas itu, semakin stabil dan ada tarian persembahan dengan pihak jabatan. Jika dahulu perkara ini menyentuh hal peribadi manusia. Pada masa itu isterinya Che Kemala ini orang yang cantik tetapi merupakan isteri orang. Dato Mat Kamil ini sangat berkenan dengan Che Kemala sehingga sanggup memaksa suami Che Kemala ini bercerai dengannya. Dia juga sanggup mencari wanita lain untuk menggantikan Che Kemala. Kemudian Dato Mat Kamil ini berkahwin dengan Cik Kemala. Ini yang menyentuh isu peribadi manusia jika bercerita.

Pak Agel : **Yes it was like that. He introduced the dance to the royals. Dato Nik Mat Kamil and Che Kemala had a child named Pok Ya, or also known as Zakaria. I called him Abe Ya because I had no idea what his full name was. Zakaria worked for a Youth Officer and he was interested in Mak Yong. He married Mak Jah, a Mak Yong prima donna, whose full name was Khatijah Awang. So Mak Yong became more established especially when they had connection with the department. Actually, this is related to their personal life because back then, Che Kemala was a gorgeous woman. She was someone's wife but Dato Nik Mat Kamil was interested in her. He forced her husband to divorce her. He got another woman to replace Che Kemala for the husband. It is a very personal issue.**

M : **Tapi kalu sekali imbas dengar, macam dongeng, tapi meme realiti.**

M : Jika imbas kembali seperti dongeng juga ada. Hakikatnya ini realiti.

M : **It sounds like a tale but it is a reality.**

- I : **Siapa ini ya, Khatijah Awang?**
I : Siapakah Khatijah Awang?
I : Who is Khatijah Awang?
- Pak Agel** : **Khatijah Awang ni primadona Mak Yong yang keturunan dia masih ada. Seri Temenggong la. Dia yang nobatkan nama Sri Temenggong.**
Pak Agel : Khatijah Awang ini primadona Mak Yong yang keturunannya masih ada dalam kumpulan Sri Temenggong. Dia yang menobatkan nama Sri Temenggong.
Pak Agel : **Khatijah Awang was the prima donna of Mak Yong whose descendants still exist today in Sri Temenggong group. She named the group Sri Temenggong.**
- M : **Makna Kak Jah nie..anok Che Kemala la?**
M : Khatijah Awang ini anak kepada Che Kemala?
M : So that means Khatijah Awang is the daughter of Che Kemala?
- Pak Agel** : **Dok, Zakaria tu lah anak Che Kemala.**
Pak Agel : Tidak, Zakaria itu anak kepada Che Kemala.
Pak Agel : No, Zakaria is the son of Che Kemala.
- M : **Bermakna Che Kemala itu...nenek Mak Jah la?**
M : Bermakna Cik Kemala itu nenek kepada Mek Jah (Khatijah Awang)?
M : Does that mean Che Kemala is a grandmother to Mek Jah (Khatijah Awang) ?
- Pak Agel** : **Aaaa menantu. Yang ada sekare. Mace dekat UMK (Universiti Malaysia Kelantan) Kampus Pengkalan Chepa Cik Siti tu anaknya. Haaa. Lepas tu mummy Rohani tu yang ada dekat JKKN (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara) sekarang adik ipar daripada Kak Jah. Biras Kak Jah. Saari itu adik pok dia.**
Pak Agel : Yang ada sekarang ini di UMK (Universiti Malaysia Kelantan) Kampus Pengkalan Chepa Cik Siti ialah anak Khatijah Awang dan Rohani di JKKN (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara) sekarang ini ialah adik ipar daripada biras Kak Jah. Arwah Encik Saari itu adalah bapa saudara Cik Siti.
Pak Agel : Mm... daughter-in-law. The one who is at UMK (University Malaysia Kelantan) Pengkalan Chepa campus, Cik Siti, is the daughter of Khatijah Awang and whereby Mummy Rohani who is at JKKN (National Department for Culture and Arts) now is Mak Jah's sister-in-law. Mr. Saari is Cik Siti's uncle.
- Pak Agel : Bukan, menantu.
Pak Agel : No, daughter-in-law.
- I : **Dio keturune?**
I : Dia keturunan?
I : So she is a descendant of?
- Pak Agel** : **Pok nagn arwah Saari nie adik-beradik pok lain. Apa tu, si pk ya anokk kepada Che Kemala denge Dato Nik Mat Kamil. Si Saaari nie pulak laki mummy tu anok Che Kemala dengan Pok Loh Subang. Laki dio tukar tu la.**
Pak Agel : Pak Ya dan En. Saari ini merupakan adik-beradik daripada ayah yang berbeza. Pak Ya anak kepada Che Kemala dan Dato Mat Kamil. En. Saari pula laki Mummy anak Che Kemala dengan Pok Loh Subang, suami pertama Cik Kemala.
Pak Agel : **Pak Ya and Mr Saari are siblings from different fathers. Pak Ya is the son of Che Kemala and Dato Mat Kamil. Whereby, Mr Saari, Mummy Rohani's husband, is the son of Che Kemala and Pok Loh Subang, the first husband of Che Kemala.**

- I : Asal-usul Mak Yong itu dari kampung?
I : Did Mak Yong originate from the village?
- Pak Agel** : **Haa saya nak panggil apa nie, Ms Chong kalau pasal Mak Yong nie, Mak Yong hok ada di UMK atau pun di JKKN semua oyak Mak Yong nie lahir dari istana tapi kalau ikut saya mengikut guru saya. Mak Yong ini lahir dari kampung. Buke dari istana.**
- Pak Agel : Ya, saya hendak panggil apa ini, Ms Chong kalau mengenai Mak Yong ini, Mak Yong yang ada di UMK atau pun di JKKN semua bagitau Mak Yong ini lahir dari istana tapi kalau ikut saya mengikut guru saya, Mak Yong ini lahir dari Kampung. Bukan dari istana.
- Pak Agel : Yes, what should I say. If you ask anyone from UMK or JKKN, they will say it originated from the palace but according to what I understand from my teacher, Mak Yong was first practised in the village, not the palace.
- I : Tapi yang asal usul tu dari Thailand? Adakah asal-usul dari Thailand?
I : How about Mak Yong from Thailand? Is it possible from Thailand?
- Pak Agel** : **Dok.**
Pak Agel : Bukan.
Pak Agel : No.
- I : Mak Yong ini banyak versi.
I : Mak Yong comes in many versions.
- Pak Agel** : **Ha, banyak versi kalau nak crito pasal nie meme banyak citer.**
Pak Agel : Ya, banyak versi kalau hendak diceritakan memang banyak.
Pak Agel : Ya, there are many versions of stories when it comes to Mak Yong.
- I : Pada pandangan Pak Su sendiri, Mak Yong itu dari mana?
I : In your opinion, where was Mak Yong really from?
- Pak Agel** : **Mak Yong Pak Su ini berasal dari ulu Terengganu, Hilir Kelantan. Masa tu dia panggil hulu Terengganu hilir Kelantan nie maksodnya dia Setiu. Dulu Setiu nie bawah Kelantan.**
Pak Agel : Mak Yong Pak Su ini berasal dari hulu Terengganu, Hilir Kelantan. Ketika itu ia dipanggil hulu Terengganu, hilir Kelantan maksudnya Setiu. Setiu ini dulu bawah Kelantan.
Pak Agel : Mak Yong that Pak Su knows originated from “Hulu Terengganu Hilir Kelantan” (Upstream of Terengganu, downstream of Kelantan). At that time the place was called “Hulu Terengganu, Hilir Kelantan” which now is referred to as Setiu. Setiu was a part of Kelantan in the past.